

Bil. S 48

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH KANAK-KANAK (PINDAAN), 2003

SUSUNAN BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan kepada bab 2 dari S 64/2000.
 3. Pindaan kepada bab 10.
 4. Pindaan kepada bab 12.
 5. Pindaan kepada bab 47.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH KANAK-KANAK (PINDAAN), 2003

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini digelar sebagai Perintah Kanak-Kanak (Pindaan), 2003.

Pindaan kepada bab 2 dari S 64/2000.

2. Ceraiian (1) bab 2 dari Perintah Kanak-Kanak, 2000, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda —

(a) dengan memotong "ketua unit perkhidmatan hal ehwal masyarakat" dari baris pertama dalam takrifan "pelindung" dan menggantikannya dengan "Pengarah Pembangunan Masyarakat";

(b) dengan memotong takrifan "pegawai perkhidmatan hal ehwal masyarakat" dan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan "kanak-kanak" —

"Pegawai Pembangunan Masyarakat" bermakna mana-mana pegawai di dalam Jabatan Pembangunan Masyarakat;" dan

(c) dengan memotong takrifan "ketua unit" dan memasukkan takrifan baru yang berikut sejurus selepas takrifan "Mahkamah" —

"Pengarah" bermakna Pengarah Pembangunan Masyarakat;"

Pindaan kepada bab 10.

3. Bab 10 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam perenggan (g), dengan memotong "Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat" dan menggantikannya dengan "Jabatan Pembangunan Masyarakat".

Pindaan kepada bab 12.

4. Bab 12 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memotong "Unit Perkhidmatan Hal Ehwal Masyarakat" dan menggantikannya dengan "Jabatan Pembangunan Masyarakat".

Pindaan kepada bab 47.

5. Bab 47 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam perenggan (c), dengan memotong "pegawai perkhidmatan hal ehwal masyarakat" dan menggantikannya dengan "Pegawai Pembangunan Masyarakat".

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Rejab, Tahun Hijrah 1424 bersamaan dengan 25 haribulan September, 2003.

PEHIN ORANG KAYA DIGADONG SERI LELA
DATO SERI PADUKA (DR.) HAJI AWANG HUSSAIN
BIN PEHIN ORANG KAYA DIGADONG SERI DIRAJA
DATO LAILA UTAMA HAJI AWANG MOHD. YUSOF
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam.